

Kerajaan setuju salur bantuan tambahan RM10,000

BERITA HARIAN 12 JUN 2025 mjd: 4

Kuala Lumpur: Mesyuarat Jemaah Menteri semalam, bersetuju menyalurkan bantuan tambahan sebanyak RM10,000 kepada waris 15 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terkorban dalam tragedi nahas bas di Gerik, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, bantuan kewangan berjumlah RM5,000 pula akan disalurkan kepada mangsa yang cedera dalam tragedi yang berlaku di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) dekat Tasik Banding, Gerik itu.

“Semoga keluarga dan mangsa yang terkesan dalam insiden yang menyayat hati ini diberi kekuatan dan ketabahan menghadapi dugaan yang amat berat ini.

“Kerajaan bersetuju mengecualikan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar UPSI yang terkorban.

“Kementerian Pengajian Ting-

gi (KPT) sedang meneliti bantuan tambahan buat keluarga mangsa,” katanya menerusi kenyataan di media sosial selepas mempengerusikan mesyuarat itu semalam.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata semakan pihaknya mendapati 13 daripada 15 pelajar UPSI yang terkorban dalam tragedi itu adalah peminjam PTPTN.

“Susulan itu, semua 13 pelajar berkenaan mendapat manfaat penyelesaian keseluruhan hutang pinjaman mereka melalui Skim Perlindungan Takaful Berkelompok pinjaman pendidikan PTPTN.

“Selain itu, semua 13 waris ini juga akan menerima khairat kematian berjumlah RM1,500 bagi setiap pelajar,” katanya.

Pada awal pagi Isnin lalu, 15 pelajar UPSI maut apabila bas sewa khas yang membawa mereka dari Jertih untuk kembali

kampus di Tanjung Malim selepas cuti sambutan Aidiladha terbabas dan terbalik serta melanggar sebuah kenderaan pelbagai guna di JRTB.

Kemalangan itu turut mengakibatkan 33 lagi cedera termasuk pemandu dan kelindan bas serta empat beranak keluarga seorang guru yang menaiki Perodua Alza.

Salur bantuan RM3,000

Sementara itu Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata kerajaan negeri akan menyalur bantuan RM3,000 secara ‘sekali bayar’ kepada setiap keluarga mangsa yang terkorban dan RM1,000 sudah diberikan baru-baru ini.

Beliau berkata, bantuan kebajikan RM1,000 juga akan disalurkan kepada 33 mangsa yang cedera dalam kemalangan sama.

Katanya, kerajaan negeri me-

“Kerajaan bersetuju mengecualikan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar UPSI yang terkorban”

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



nerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) semalam bersetuju sumbangan kepada semua mangsa yang terbabit sebagai tanda keprihatinan dan solidariti terhadap keluarga yang ditimpa musibah.

“Kerajaan negeri melahirkan rasa dukacita yang amat mendalam terhadap tragedi kemalangan bas membabitkan pelajar UPSI ini. Tragedi itu amat

menyentuh hati seluruh rakyat, khususnya di Terengganu.

“Kerajaan negeri yang sangat terkesan dengan tragedi ini, komited membantu sebaik mungkin dan memohon seluruh rakyat Terengganu terus mendoakan kesejahteraan mangsa yang terlibat dan semoga keluarga mereka diberi ketabahan dalam menghadapi ujian ini,” katanya.